



No. Rujukan : UNIMEL/KEW/600.5.1/7/3 (015)

Tarikh : 07 Mei 2026  
19 Zulkaedah 1447H

*Assalamualaikum wr.wb. / Salam sejahtera*

Perkara	<b>MAKLUMAN BAGI MENJELASKAN TUNGGAKAN YURAN PENGAJIAN BAGI MAHASISWA/I PROGRAM PENGAJIAN ASASI SEMESTER 2 SESI II 2025/2026.</b>
Kepada	Semua Mahasiswa/i Program Pengajian Asasi Semester 2 Sesi II 2025/2026.
Daripada	Bendahari, UNIMEL.
Salinan kepada	<ul style="list-style-type: none"><li>➢ Naib Canselor - untuk makluman YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr.</li><li>➢ TNCAA - untuk makluman Ybhg. Dr</li><li>➢ TNC HEPA - untuk makluman Tn. Hj.</li><li>➢ Dekan Fakulti FPHT/FKI/FSS - untuk makluman</li><li>➢ Ketua Program API/PASS/PAP - untuk makluman &amp; tindakan</li><li>➢ Unit IT - untuk tindakan hebahan memo di website.</li><li>➢ Pembantu Tadbir Fakulti - untuk tindakan paparan memo di fakulti.</li></ul>

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua pelajar yang masih mempunyai tunggakan yuran pengajian adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjelaskan keseluruhan tunggakan tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelajar **tidak dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir Semester II, Sesi 2025/2026 yang akan bermula pada 08 Jun 2026.**

3. Sehubungan itu, semua pelajar yang terlibat hendaklah menjelaskan keseluruhan tunggakan yuran semester **selewat-lewatnya pada atau sebelum 22 Mei 2026** melalui kaedah pembayaran yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Pelajar juga perlu membuat semakan tunggakan yuran melalui Portal Pelajar UNIMEL terlebih dahulu.

4. Sebarang kegagalan menjelaskan tunggakan dalam tempoh ditetapkan adalah dianggap tidak mematuhi arahan kewangan Universiti dan **tiada rayuan, pengecualian atau lanjutan tempoh akan dipertimbangkan.**

Kerjasama dan perhatian semua amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

**(HJ ISMAIL BIN HASIM)**

Bendahari

Universiti Islam Melaka